

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: 24 Februari 2016 16:48
To: UUM - All Staff
Cc: Faizah Bt Hashim
Subject: FASA PERTAMA BENGKEL FORMULA CEMERLANG MUET DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

24 FEBRUARI 2016/ 15 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faizah Hashim
Gambar oleh: Mohd Shahir Ahmad

FASA PERTAMA BENGKEL FORMULA CEMERLANG MUET DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN



PAP Online – Sempena Program Discover UUM 2016, Pusat Asasi Pengurusan telah berjaya menganjurkan Fasa Pertama Bengkel Formula Cemerlang MUET pada 20 Februari 2016 di Dewan Seminar 2, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif.

Seramai 162 pelajar yang terdiri daripada para pelajar Pra-U daripada Alor Setar iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Laksamana, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sharifah Rodziah, serta pelajar POLIMAS, Jitra dan pelajar Asasi Pengurusan telah menghadiri bengkel yang julung kali diadakan.

Program satu hari yang berakhir pada jam 6.00 petang berjaya mencapai objektif iaitu dalam konteks pendedahan atau tips untuk menjawab soalan serta mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan MUET. Para peserta program sangat bertuah kerana berpeluang bersemuka dengan dua orang penceramah jemputan iaitu Puan Nurdiyana Tan Abdullah, Jurulatih Utama MUET yang berpengalaman luas berkaitan peperiksaan MUET sejak tahun 1999 serta Encik Zaidi Zakaria daripada Kolej Matrikulasi Perlis, sejak tahun 2010. Pembahagian bengkel kepada empat slot menjadikan bengkel lebih efektif iaitu slot *“Writing and Listening”* serta slot *“Speaking and Reading”* di bantu pula oleh sesi

Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh lima (5) orang fasilitator pelajar lepasan Asasi Pengurusan UUM.

Perkongsian tips-tips menjawab soalan peperiksaan MUET dimanfaatkan oleh para peserta kerana tarikh peperiksaan lisan MUET akan bermula pada 23 Februari hingga 01 Mac 2016 manakala ujian *Writing* adalah pada 12 Mac 2016. Selain itu, penggunaan audio seperti tayangan video dan perbincangan kumpulan banyak membantu para peserta memahami dengan lebih mendalam tentang teknik menjawab soalan mengikut skop yang dikehendaki. Seorang peserta yang ditemui, saudari Nur Asniza Md. Zahir, pelajar tahun akhir Diploma daripada POLIMAS Jitra menyatakan penganjuran bengkel sebegini sangat dinantikan oleh beliau sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan MUET pada hujung bulan Februari 2016. Beliau berharap penyertaannya dapat membantunya mendapat markah atau band yang lebih baik bagi menjamin peluang beliau untuk menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, bengkel tersebut turut disertai oleh guru-guru pengiring daripada tiga buah sekolah berkenaan bagi tujuan mendapatkan pendedahan dan perkongsian ilmu.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:

PUSAT ASASI PENGURUSAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan